

PM - KEMISKINAN

(I)

1984

KUALA LUMPUR, 2 SEPT. (BERNAMA)-- KERAJAAN TIDAK AKAN BERGANJAK DARI HASRATNYA UNTUK MENGHAPUSKAN KEMISKINAN MELALUI PENINGKATAN PENGELUARAN RAKYAT DAN PERTUMBUHAN EKONOMI, DATUK SERI DR. MAHATHIR CERKATA HARI INI.

RAKYAT PERLU MENYEDARI BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN DAPAT MENIKMATI TARAF HIDUP SEPERTI MEREKA DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HANYA DENGAN MEMGHARAPKAN KERAJAAN MENGADAKAN +SEMUA YANG BAIK+ UNTUK MEREKA, KATA PERDANA MENTERI.

DENGAN PEMBANGUNAN, RAKYAT, DI SAMPING PERLU BEKERJA KERAS, HENDAKLAH SANGGUP MENERIMA SEGALA PERUEAHAN DAN KEMAJUAN, TAMBAH, BELIAU KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CHINA MALAYSIA (ACCIM), DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA TERDAPAT KEJUJURAN DI KALANGAN + SETENGAH-SETENGAH RAKYAT MALAYSIA YANG BIJAK + BAHAWA NEGARA INI BOLEH MENIKMATI TARAF HIDUP RAKYAT DI NEGARA-NEGARA MAJU DAN TARAF INI BOLEH DIDAPATI DENGAN PERCUMA.

+ KERANA ITU KITA DAPATI ORANG MENDESAK SUPAYA KITA MEMPUYAI SEMUA YANG BAIK -- JALAN-JALAN, SEKOLAH-SEKOLAH, HOSPITAL-HOSPITAL, SKIM-SKIM TANGGA GAJI, PENSEN DAN ALAM SEKITAR YANG TERBAIK. + --LAGI
1853MST 02 09 84

0076

U B125 DEB

PM - KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR

MEREKA MAHUKAN HUTAN DAN BANGUNAN-BANGUNAN BERSEJARAH DIPELIHARA, CUKAI LEBIH RENDAH, TIDAK DIKENAKAN BAYARAN TOL, MASALAH KERJA LEBIH PENDEK, MENGHALAU KELUAR PELABUR-PELABUR ASING DAN SEGALA-SEGALA YANG BOLEH MENDATANGKAN WANG KEPADA NEGARA DAN KERAJAAN, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA NEGARA INI ADALAH MISKIN DAN TIDAK MAMPU MENGADAKAN TARAF HIDUP SEPERTI DI NEGARA-NEGARA MAJU.

+HAKIKATNYA IALAH TIDAK ADA JALAN KITA DAPAT MENGADAKAN YANG BAIK-BAIK TANPA MENGELUARKAN PERBELANJAAN. TETAPI WALAUPUN SEKIRANYA KITA MAHUKAN YANG KURANG DARIPADA ITU, KITA JUGA TERPAKSA MENSELUARKAN BAYARAN. BAYARANNYA MUNGKIN TIDAK SECARA TERUS, TETAPI PADA AKHIRNYA KITA MESTI MEMBAYAR, + KATANYA.

BELIAU BERKATA BAHAWA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DINIKMATI OLEH MEREKA JUGA TERPAKSA DITIADAKAN SEKIRANYA MEREKA MAHU MEMELIHARA KEASLIAN MALAYSIA, DENGAN HUTAN DAN BINATANG TROPIKA DAN +PONDOK-PONDOK ATAP YANG CANTIK+.

BAGAIMANAPUN, + YANG PALING MENYAKITKAN HATI IALAH BILA PENDUDUK-PENDUDUK BANDARAYA YANG BERPENDAPATAN LUMAYAN BERPURA-PURA BERSEDIH KERANA KAWASAN DESA TELAH TERCEMAR DAN HIDUP PARA PETANI TERJEJAS+.

+PADA KETIKA YANG SAMA MEREKA AKAN MELAHIRKAN PERASAAN SEDIH KE ATAS KEADAAN KEMISKINAN DI LUAR BANDAR DAN SELEPAS MELAHIRKAN PERASAAN TERSEBUT MEREKA KEMBALI BERIHAT DI BILIK BERHAWA DINGIN MEREKA DAN KEHIDUPAN BANDARAYA, + KATANYA. --LAGI
1913HST 02 09 84

0089

U B132 DEB

PM - KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR

+KEMISKINAN HANYA DAPAT DIHAPUSKAN SEKIRANYA BILANGAN RAKYAT CUKUP MENDAPAT WANG SECARA HALAL DAN MEMBAYAR CUKAI MEREKA SUPAYA KERAJAAN DAPAT MELANCARKAN SKIM-SKIM BAGI MENINGKATKAN PENGELUARAN ORANG-ORANG MISKIN, + KATANYA.

+PEMBERIAN PERCUMA TIDAK AKAN DAPAT MENGHAPUSKAN KEMISKINAN -- SEPERTI DADAH IA HANYA AKAN MENGURANGKAN RAKYAT MENJADI PENGHARAP. CARA TUNGGAL UNTUK MENYELESAIKAN KEMISKINAN IALAH PENINGKATAN PENGELUARAN OLEH ORANG-ORANG MISKIN, + TAMBAH BELIAU. --BERNAMA.